

Soalan No:38**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]****TARIKH : 26.3.2018 (ISNIN)****SOALAN :**

Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada projek pembinaan asrama SMK Pinggan-Pinggan termasuk di dalam senarai peruntukan 1 bilion projek naik taraf sekolah-sekolah di negeri Sabah. Penduduk dan warga SMK Pinggan-Pinggan amat mengharapkan pembinaan asrama ini dapat direalisasikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa meneruskan usaha meningkatkan akses pendidikan termasuk kepada masyarakat di luar bandar atau pedalaman. KPM berusaha memastikan kemudahan pendidikan termasuk kemudahan asrama sekolah disediakan mengikut keperluan dengan sempurna dan berkualiti bagi memberi kemudahan pendidikan kepada murid yang tinggal jauh daripada sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop projek bagi pembinaan asrama gantian penuh 400 murid (200 lelaki dan 200 perempuan) serta dewan makan Sekolah Menengah Kebangsaan Pinggan-Pinggan, Pitas, Sabah telah dimohon dalam *Rolling Plan 3*, Rancangan Malaysia Ke-11

Tahun 2018-2019 tetapi tidak diluluskan. Projek ini akan dimohon semula dalam *Rolling Plan 4*, RMKe-11 dan tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

Walau bagaimanapun berdasarkan semakan, sekolah ini juga diluluskan dalam pembangunan semula sekolah daif bagi fasa 1 tahun 2018 dengan skop enam (6) bilik darjah, 1 bilik sains dan tandas yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Surat Setuju Terima telah ditandatangani pada 21 Februari 2018.

RJM66